



SIARAN MEDIA

KPWKM HARGAI SUMBANGAN RAKAN STRATEGIK TINGKAT KESEJAHTERAAN SOSIAL NEGARA

BANGI, 1 Julai 2025 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) hari ini telah menganjurkan **Majlis Apresiasi Rakan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2025** sebagai menghargai sinergi dan sumbangan yang diberikan oleh rakan- rakan strategik yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam membantu memulihkan mangsa bencana dan kumpulan sasaran KPWKM. Ia juga menjadi platform memperkukuh hubungan kerjasama jangka panjang dalam usaha penyaluran bantuan kemanusiaan yang lebih berkesan.

Majlis telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang diwakili oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dihadiri oleh 30 rakan strategik aktif yang terdiri daripada badan korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) yang selama ini telah bersama-sama membantu kerajaan dalam memperluas capaian dan keberkesanan perkhidmatan kebajikan. Rakan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat yang hadir pada hari ini menerima Plak Sijil Penghargaan yang ditandatangani oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

YAB Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM berperanan besar dalam pengurusan bencana negara khususnya dalam pengurusan mangsa bencana. Sehingga kini, JKM bertanggungjawab bagi 8,417 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh Malaysia yang boleh menampung sehingga 2.18 juta mangsa. Kesiapsiagaan ini membuktikan komitmen Kerajaan untuk memastikan setiap mangsa bencana sentiasa mendapat perlindungan dan sokongan sewajarnya. Justeru, gandingan mantap daripada semua agensi di peringkat akar umbi amat penting dalam memastikan mangsa-mangsa bencana dapat dibantu sebaik-baiknya.

Menurut Ketua Pengarah JKM, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan dalam ucapannya telah memaklumkan bahawa “Secara keseluruhan nilai sumbangan adalah sejumlah RM5.8 juta yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 orang kumpulan sasar JKM. Mereka ini secara konsisten dan penuh komitmen sentiasa menghulurkan bantuan meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang terkesan akibat bencana serta yang berkeperluan”.

Seiring dengan nilai ihsan Kerajaan MADANI, KPWKM melalui JKM akan terus komited dalam usaha memperkasakan komuniti dan menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam menyediakan sokongan melalui pendekatan “*whole of government*” dan “*whole of society*” dalam memastikan tiada kumpulan sasar yang terpinggir.

Turut hadir YBhg. Datuk Abdul Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Yang Amat Setia Datuk KPj. (PA) Aminurrahim bin Mohamed, Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, YBhg. Datuk Mohd Razali bin Wahab, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEM. PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)
1 JULAI 2025